



SEKTOR:

PEMINDAHAN BAHAN BATUAN & PERLOMBONGAN

Waktu Dibenarkan

N/A

Waktu Operasi

8.00 pagi – 5.00 petang
Isnin – Jumaat sahaja
(kelulusan JTS diperlukan sekiranya perlu beroperasi selain daripada masa & hari yang ditetapkan termasuk hari cuti umum)

Kapasiti

100 %

Merangkumi

1. Pengorekan & pengestrakan bahan batuan & mineral.
2. Peletupan.
3. Menyimpan, memproses, mengangkut & menjual.
4. Penyelenggaraan.
5. Penjualan bahan batuan & mineral keluar dari Sarawak.
6. Penyelajahan & carigali.

Aktiviti Tidak Dibenarkan

1. Permohonan baharu bagi peperiksaan teori & amali pembedil (peletupan).
2. Pengangkutan bahan batuan & mineral selepas jam 5.00 petang dan ke atas.
3. Kursus atau perhimpunan.
4. Lawatan/kunjungan orang awam/pelawat termasuk pembeli.

Arahan Tetap

1. Perlu mematuhi segala arahan/peraturan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari masa ke masa.
2. Kegagalan dalam mematuhi arahan/peraturan akan menyebabkan kelulusan untuk beroperasi ini dibatalkan serta merta serta dikenakan tindakan undang-undang.
3. Pihak berkuasa berhak untuk membatalkan atau meminda syarat kelulusan tanpa sebarang notis pemberitahuan.

Aktiviti & Protokol

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pematuhan kawalan kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap pekerja diwajibkan menjalani saringan kesihatan COVID-19 dengan pihak KKM atau hospital swasta dan hanya dibenarkan untuk berkerja sekiranya keputusan ujian adalah negatif. • Setiap pekerja yang hadir berkerja hendaklah direkodkan nama, alamat kediaman, nombor untuk dihubungi serta tarikh dan masa berkerja. • Memberi taklimat kesihatan dan melakukan imbasan suhu badan harian sebelum dan selepas waktu kerja. Rekod suhu badan hendaklah direkodkan. Hanya pekerja yang sihat sahaja yang dibenarkan untuk berkerja. • Menyediakan tempat mencuci tangan dan tempat mandi yang mencukupi. Sebelum mula berkerja, setiap pekerja dikehendaki mencuci tangan dengan bahan pencuci terlebih dahulu manakala selepas berkerja, dikehendaki untuk mandi serta menukar pakaian bersih sebelum dibenarkan balik. • Semua peralatan kerja dan peribadi pekerja perlu dinyahkuman selepas habis kerja. • Menyediakan <i>hand sanitizer</i> di kawasan-kawasan utama/tumpuan. • Mematuhi penjarakkan sosial dan fizikal yang ditetapkan. • Kawasan utama/tumpuan hendaklah kerap dinyahkuman. • Melaporkan segera kepada KKM dan JTS jika terdapat pekerja yang dijangkiti atau disyaki mengidap COVID-19.
Kawalan pergerakan pekerja dan serahan dokumen	<ul style="list-style-type: none"> • Pergerakan rentas Daerah atau Bahagian oleh pekerja hendaklah tertakluk kepada arahan semasa JPBNS serta mendapat kelulusan daripada pihak PDRM. • Tidak dibenarkan membawa masuk dan menggunakan pekerja asing yang belum disahkan status kesihatannya oleh pihak KKM. • Pekerja pejabat adalah digalakkan untuk berkerja dari rumah sahaja. • Sebarang serahan dokumen adalah digalakkan dilakukan secara digital.
Kemudahan kafeteria	<ul style="list-style-type: none"> • Operasi kantin/dapur penginapan pekerja hanya dibenarkan untuk penyediaan makanan dan minuman berbungkus. • Penggunaan kafeteria hendaklah mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh KKM.
Penggunaan PPE	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan PPE terutamanya <i>face mask</i> adalah diwajibkan kepada semua pekerja sepanjang tempoh berkerja.
Tindak balas kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> • Menyediakan/mengemaskini Pelan Tindak Balas Kecemasan bagi mengendalikan kes-kes COVID-19 di premis.
Penutupan premis dan operasi	<ul style="list-style-type: none"> • Premis dan operasi hendaklah ditutup dan dihentikan serta merta sekiranya terdapat pekerja yang telah disahkan dijangkiti. Pihak majikan bertanggungjawab untuk memastikan semua pekerja menjalani saringan kesihatan segera dengan pihak KKM.